



FOKUS

Oleh **Ruhaiza Rusmin**
ruhaizarusmin@
hmetro.com.my

Pengkategorian lima universiti awam (UA) sebagai universiti penyelidikan adalah antara gagasan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk memperkasa institusi pendidikan tinggi (IPT) negara dalam menghadapi cabaran pendidikan peringkat global.

Menerusi gagasan itu, universiti penyelidikan bukan saja perlu menggembleng usaha meningkatkan taraf pendidikan sedia ada, malah mesti bersiap sedia membina pasukan penyelidikan holistik bagi meningkatkan kemampuan.

Universiti penyelidikan diperkenalkan pada 2007 dengan lima UA terbaik negara dipilih iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Bagaimanapun, cabaran menjadi universiti penyelidikan bukan calang-calang kerana memerlukan institusi terbabit meneruskan momentum dan standard ditetapkan KPT.

Selain menerapkan keupayaan menimba ilmu, penyelidikan dan nilai inovasi, universiti penyelidikan juga perlu menyahut cabaran menghasilkan siswazah berkualiti bertaraf dunia.

Naib Canselor UPM Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris berkata, memperkasa nilai dan kualiti untuk terus


mengekalkan kredibiliti sebagai sebuah universiti penyelidikan bukan tugas mudah kerana ia perlu sokongan semua pihak.

Menurutnya, universiti penyelidikan bukan saja perlu bertindak sebagai pelopor dalam semua aspek bertaraf antarabangsa, malah menjadi kayu pengukur sejauh mana universiti di negara ini mampu bersaing untuk menawarkan sistem pendidikan tinggi terbaik.

"Apabila diberi penarafan sebagai universiti penyelidikan, ia satu penilaian yang tinggi.

"Menerusi penarafan itu, tanggungjawab dipikul sangat besar terutama bagi memastikan nilai pendidikan, inovasi, penyelidikan dan pengemblengan ilmu bertahap antarabangsa serta mempunyai nilai komersial.

"Ia satu penghormatan terhadap universiti yang dipilih. Seharusnya cabaran itu menjadi dorongan untuk menjadi lebih berdaya saing dan terbaik," katanya.



PENYELIDIK digalakkan membuat pelbagai penyelidikan sebagai satu teras utama UA. - Gambar hiasan

CABARAN CARI DANA, GERAN

Pastikan nilai pendidikan, inovasi, penyelidikan bertaraf antarabangsa



BUKAN mudah mengukur kejayaan di peringkat antarabangsa dan ia antara cabaran terbesar UA dalam memperkasakan kemampuannya. - Gambar hiasan

"Menerusi penarafan itu, tanggungjawab dipikul sangat besar terutama bagi memastikan nilai pendidikan, inovasi, penyelidikan dan pengemblengan ilmu bertahap antarabangsa serta mempunyai nilai komersial"

DR AINI



PENCAPAIAN pensyarah dan penyelidik antara kriteria penting yang menjadi aset UA. - Gambar hiasan



ANTARA cabaran terbesar sebuah universiti penyelidikan ialah melaksanakan perubahan untuk mencapai objektif sasaran seperti menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang penyelidikan terfokus dan membina persekitaran kondusif untuk penyelidikan dan inovasi. - Gambar hiasan

Beliau berkata, antara cabaran terbesar universiti penyelidikan ialah melaksanakan perubahan untuk mencapai matlamat disasarkan seperti menjadi menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang penyelidikan terfokus, memimpin pembangunan inovasi di peringkat negara; membangun output akademik bertaraf dunia, menghasilkan pelajar siswazah berkualiti dan mewujudkan persekitaran kondusif untuk penyelidikan dan inovasi.

Selain itu, katanya, pencarian dana atau geran penyelidikan antara cabaran yang perlu sentiasa diatasi.

"Bagaimanapun, semua cabaran ini perlu dilihat dari sudut positif kerana ia berupaya mencabar keupayaan sebuah universiti penyelidikan untuk memenuhi komitmen dan meneroka usaha berkolaborasi dengan institusi bertaraf antarabangsa," katanya ketika ditemui pada majlis Bersama Pengamal Media di kampus universiti itu di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Dr Aini berkata, universiti penyelidikan memerlukan semua warga kampus melakukan anjakan minda.

"Kita juga perlu berani menerima hakikat teras universiti penyelidikan kini ialah penyelidikan, bukan lagi pengajaran atau pendidikan.

"Ini bermakna semua pe-

rancangan dan sistem sedia ada perlu berubah daripada menyokong proses pengajaran kepada sistem penyelidikan.

"Bagaimanapun, ia tidak bermakna UPM atau empat lagi universiti penyelidikan mengetepikan kepentingan proses pengajaran, cuma kini penyelidikan menjadi

fokus utama. "Ini sejajar dengan matlamat pemilihan kami sebagai universiti penyelidikan," katanya yang tidak menolakan kefahaman masyarakat mengenai matlamat ini boleh menimbulkan isu.

Beliau berkata, masyarakat tidak boleh dipersalahkan terhadap isu itu,

namun sebagai sebuah universiti yang mendokong hasrat melahirkan generasi berilmu, UPM khususnya cuba memberikan keseimbangan terhadap penempatan pelajar ijazah sarjana muda.

"Walaupun semua uni-

versiti penyelidikan memberi penekanan terhadap pelajar ijazah sarjana dan ke atas untuk merealisasikan bidang penyelidikan, masih ada pertimbangan untuk memberi peluang kepada pelajar lain belajar di sini," katanya.

UA di Malaysia dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu universiti penyelidikan, universiti berfokus (teknikal, pendidikan, pengu-



PENYELIDIKAN dan inovasi antara kekuatan yang dimiliki UA termasuk menghasilkan pelbagai penemuan baru bertaraf global. - Gambar hiasan



WALAUPUN cabaran besar untuk memperoleh dana bagi menghasilkan penyelidikan berkualiti, UA perlu kreatif mencari geran bagi menjayakan penyelidikan yang menjadi keutamaan. - Gambar hiasan

Info

Universiti penyelidikan

Ciri sesebuah universiti penyelidikan adalah memberi fokus kepada bidang pengajaran penyelidikan. Kemungkinan serta pengambilan siswa juga lebih kompetitif serta menampilkan pensyarah yang berkualiti. Ciri lain yang dapat dilihat adalah nisbah siswazah dengan pascasiswazah iaitu sebanyak 50:50.

Terdapat lima universiti awam bertaraf penyelidikan di Malaysia:

1. Universiti Malaya (UM)
2. Universiti Sains Malaysia (USM)
3. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4. Universiti Putra Malaysia (UPM)
5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

universiti komprehensif. Sehingga kini, terdapat 20 UA di negara ini yang terdiri daripada lima universiti penyelidikan, empat universiti komprehensif dan 11 universiti berteknologi.

Dr Aini berkata, kini tidak wujud lagi tanggapan status universiti penyelidikan lebih tinggi dan berdaya saing berbanding UA lain.

"Dalam konteks ini, yang lebih penting ialah meletakkan dunia pendidikan negara pada tahap tertinggi dan terbaik.

"Setiap universiti ada peranannya. Di UPM kami sedaya upaya cuba menjadi yang terbaik dalam memelopori bidang pertanian negara seperti matlamat utama penubuhan institusi ini dulu.

"UPM juga ada pelbagai kepakaran lain yang dijalin dengan kerjasama UA tempatan, sekali gus menjamin kelangsungan dan perkongsian ilmu demi kebaikan bersama," katanya.

Beliau mengakui bukan mudah meletakkan nama universiti tempatan di persada antarabangsa terutama persaingan dengan universiti sudah ternama.

"Ini juga cabaran utama tapi tidak mustahil boleh dilakukan, apatah lagi kebanyakan UA termasuk universiti penyelidikan sudah mula memperkasakan penyelidikan dan penerbitan bertaraf antarabangsa.

"Bagaimanapun, kita perlu terus membina budaya ini bagi memastikan universiti setanding dengan universiti lain, sekali gus menunaikan mandat negara dalam menjana kecemerlangan ilmu," katanya.